

07/08/2001

Kerajaan tidak mahu negara runtuh kerana lambat bertindak

LUMUT, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak mahu negara runtuh kerana rusuhan dan huru-hara disebabkan lambat mengambil tindakan pencegahan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan menitikberatkan pencegahan daripada hanya mengubat penyakit.

"Kita tidak nak keruntuhan dan kegawatan berlaku dalam negara kita sebelum kita ambil tindakan.

"Sebab itu apabila kita dapati ada pihak tertentu merancang mencetuskan huru-hara dalam negara, kita ambil tindakan pencegahan iaitu menangkap mereka yang merancang untuk timbulkan huru-hara negara kita.

"Negara lain juga buat macam itu, tetapi mereka lebih dahsyat daripada kita apabila mereka sanggup membunuh jika menganggap orang itu melakukan sesuatu jenayah," katanya kepada pemberita selepas melawat Penang Shipbuilding & Construction (PSC) Naval-Dockyard di pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Lumut, di sini hari ini.

Di Malaysia, katanya, kerajaan memberi makan yang mencukupi, membenarkan keluarga melawat mereka dan bermacam-macam lagi.

"Kita amat sederhana. Biarpun begitu kerajaan bertanggungjawab terhadap keselamatan negara, sesiapa yang mengancam keselamatan negara akan berhadapan dengan tindakan pencegahan mengikut undang-undang pencegah di Malaysia iaitu Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)," katanya.

Mengenai bantahan pembangkang berhubung penggunaan ISA, Dr Mahathir berkata, mereka boleh memprotes kerana mereka tidak bertanggungjawab, berbanding kerajaan.

"Biasanya mereka tuduh itu. Jika benar kerana motif politik yang patut kena tangkap ialah Nik Aziz, Hadi, Fadzil Nor dan Lim Kit Siang kerana mereka ni kepala yang besar, tetapi kita tidak tangkap. Yang ditangkap yang buat kacau," katanya.

Bagaimanapun, katanya jika polis mempunyai bukti mereka membuat huru-hara, polis akan menangkap mereka.

"Tetapi kita bukan ada motif politik di sini. Kita tak takutpun pada mereka kerana rakyat sokong kita," katanya.

Terdahulu ketika berucap pada majlis perjumpaan dengan warga TLDM di Auditorium Sidek di KD Pelanduk, Dr Mahathir berkata undang-undang pencegahan seperti ISA adalah perlu bagi memastikan keamanan dan keselamatan negara sentiasa terpelihara.

Perdana Menteri berkata, di sebalik kritikan dari negara tertentu yang mendakwa Malaysia tidak demokratik dan tidak adil kerana mempunyai undang-undang seperti itu, kerajaan mendapati undang-undang berkenaan masih relevan.

Di sebalik semua itu, katanya, keadaan aman dapat diwujudkan di negara ini berbanding dengan negara membangun lain, adalah disebabkan adanya undang-undang seperti itu.

"Pencegahan adalah langkah paling berkesan berbanding rawatan. Begitu juga, jika kita ingin menjaga keamanan, kita tidak boleh tunggu sehingga rusuhan berlaku.

"Kita mesti mengelakkan perkara ini daripada berlaku. Jika kita hanya bertindak selepas perkara ini berlaku, ia sudah terlambat," katanya.

Di Malaysia, perkara berkaitan perkauman dan agama amat sensitif.

"Sebab itu sebelum sesiapa cuba untuk membangkitkan sentimen perkauman dan agama, mereka akan ditahan. Bagaimanapun, rakyat tidak harus takut

kerana kita tidak tahan seseorang itu begitu saja.

"Hanya mereka yang cuba untuk mencetus kekacauan dan menjatuhkan kerajaan dengan apa saja tujuan, ISA akan digunakan terhadap mereka," katanya.

(END)